


# Pengeluar perlu jamin produk halal bermutu

UM-20/5/2006

**ia secara langsung akan menjadi pemangkin kuat bagi barang-barang halal dari Malaysia untuk diedarkan kepada pasaran dunia**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri



**ABDULLAH Ahmad Badawi melawat projek perumahan dan Ibu Pejabat Polis Daerah Perak Tengah di Semenyang, semalam dengan diiringi Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Kebudayaan, Belia, Sukan, Kesenian dan Warisan Negeri Perak, Mohd. Zaim Abu Hassan (kiri).**

barang halal," katanya.

Sementara itu mengulas kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya bahawa hanya sebilangan kecil syarikat milik kerajaan (GLC) mengalami kerugian pada tahun kewangan 2005, Abdullah menegaskan masa depan GLC akan lebih cemerlang.

Perdana Menteri memberitahu, GLC perlu menggunakan Indeks Prestasi (PKI) yang telah ditetapkan kera-

jaan bagi membuktikan kejayaan akan terus dicapai.

"Kerajaan mahu GLC lebih berjaya dan dapat melaksanakan peranan dan tugas dengan lebih berjaya serta sebagai kumpulan yang punyai peranan besar dalam sektor swasta.

"Bagaimanapun saya minta GLC memberi peluang dan ruang kepada pengusaha bumiputera yang mahu mengambil bahagian dalam bidang tertentu khususnya berkaitan dengan teras perniagaan syarikat tersebut," katanya.

**IPOH** 19 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pengeluar-pengeluar barangan halal perlu memastikan kualiti produk yang dikeluarkan bermutu tinggi.

Perdana Menteri berkata, mengeluarkan produk halal sahaja tidak mencukupi sebaliknya ia perlu berkualiti dan bermutu agar dapat diterima di pasaran antarabangsa.

"Tidak guna mengeluarkan barangan halal kalau bermutu rendah kerana ia akan menjejaskan imej produk tersebut memandangkan setiap yang halal adalah bersih, bermutu serta berkualiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara kerajaan negeri dan Meranti Tiga Sdn. Bhd. membabitkan program pertanian bernilai RM100 juta serta pelaburan RM50 juta bagi Pusat Pengedaran Segar dengan Tesco Malaysia.

Pada sidang akhbar, Abdullah memberitahu, inisiatif yang dilakukan oleh Tesco dan Sime Darby hari ini akan menjadi pemangkin kepada perkembangan industri halal di negara ini.

"Ia secara langsung akan menjadi pemangkin kuat bagi barang-barang halal dari Malaysia untuk diedarkan kepada pasaran dunia.

"Kemampuan yang ada pada Tesco memanglah kita ketahui tetapi penyertaan Sime Darby serta syarikat tempatan lain menunjukkan bahawa syarikat antarabangsa itu bersedia untuk menerima penyertaan syarikat Malaysia memasarkan produk halal di seluruh dunia.

"Penglibatan Tesco ini juga akan memberi kesempatan yang baik kepada petani, pengusaha kecil dan sederhana (PKS) berkembang dalam industri pengeluaran barang-